

KUW1M beri manfaat kepada mahasiswa

Kerajaan memperkenalkan Klinik Usahawan Warga Industri 1Malaysia (KUW1M) bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan berjaya khususnya warga industri kolar biru.

Program ini diperkenalkan bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang mahu warga industri lebih terbuka dan positif dalam menerokai bidang keusahawanan, bermula dengan transformasi berdaya saing serta mampu melihat peluang potensi dan bantuan yang disediakan.

Program ini tidak seharusnya dimanfaatkan golongan kolar biru saja. Walaupun keutamaan program ini diberi terhadap kolar biru, mahasiswa sepatutnya turut mengambil peluang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Sebagai anggota masyarakat, mahasiswa sendiri tidak dapat lari daripada menjadi mangsa kegawatan ekonomi. Walaupun pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diberikan kepada mereka, harga barang yang meningkat menyebabkan pelajar terpaksa mencari sumber kewangan lain dengan melakukan kerja separuh masa.

+ Program percuma

Memandangkan KUW1M program percuma oleh kerajaan, mahasiswa boleh menghadiri seminar dianjurkan tanpa perlu mengeluarkan duit poket mereka. Seminar berkenaan mendedahkan peserta cara menjadi usahawan yang berjaya dan bijak, serta mampu menguruskan perniagaan sendiri.

Selain dapat menambah sumber kewangan sendiri, mahasiswa juga mampu menjamin masa depan apabila menamatkan pengajian mereka kelak.

Peluang pekerjaan yang terhad, ditambah pula dengan jumlah graduan berkelayakan menyebabkan mereka terpaksa bersaing untuk merebut jawatan dalam sektor pekerjaan. Akibat peluang yang terhad, ramai mahasiswa terpaksa menganggur untuk tempoh waktu yang lama.

Pada 2012, Jabatan Perangkaan mengeluarkan statistik seramai 76,000 graduan yang menganggur di negara ini. Hal ini disebabkan kurangnya kemahiran dalam mencari pekerjaan. Hasil kajian Jabatan Tenaga Kerja terhadap 1,994 responden mendapati 77.14 peratus mengaku memerlukan bimbingan bagi mencari pekerjaan.

KUW1M dirasakan jalan terbaik bagi menangani masalah ini. Dengan latihan percuma yang disediakan, mahasiswa yang mengalami masalah bimbingan serta kurangnya kemahiran mencari pekerjaan dapat melatih diri mereka menjana pendapatan sendiri.

Bagi mengelak perebutan dalam sektor pekerjaan, dan penambahan jumlah mahasiswa yang menganggur, mahasiswa sepatutnya mula menukar perspektif mereka daripada mencari kerja kepada mencipta pekerjaan sendiri.

Muhamad Suhaimi Razali,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama,
Universiti Sains Islam Malaysia